

## Lelaki mengaku bersalah miliki dadah dipenjara enam tahun dan enam bulan

**KUCHING:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara enam tahun dan enam bulan terhadap seorang lelaki berusia 53 tahun akibat memiliki 34.85 gram Methamphetamine.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman itu terhadap Mahadhir Madon yang mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya

1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) Akta sama.

Seksyen 39A(2) memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup atau penjara minimum lima tahun dan boleh dikenakan sebatan tidak kurang daripada 10, jika sabit kesalahan.

Mahadhir didakwa melakukan kesalahan itu pada 28 Mac 2024, sekitar jam 10.50 pagi di tepi jalan di Kampung

Serikin, Bau.

Berdasarkan fakta kes, polis menahan sebuah kereta di tepi jalan tersebut untuk melakukan pemeriksaan susulan ia dilihat berada dalam keadaan mencurigakan.

Hasil pemeriksaan kemudian membawa kepada penemuan dua pekot plastik lutsinar berisi ketulan-ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu, yang diletakkan di dalam beg sandang milik

Mahadhir.

Polis merampas bahan tersebut untuk dijadikan barang kes dan laporan kimia bertarikh 18 Jun 2024 mengesahkannya mengandungi 34.85 gram Methamphetamine.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff sementara Mahadhir tidak diwakili peguam.